

29/03/2001

Malaysia miliki kelebihan tangani kesan ekonomi AS

Khaidir Abd Majid

EKONOMI Amerika Syarikat (AS) diibaratkan oleh Presiden George W Bush, sebagai seorang pelari jarak jauh yang sedang mencungap, tetapi secara asasnya masih kuat.

Berita terbaru dari Washington menunjukkan Bush mungkin tepat dalam pembacaan ekonomi negaranya. Keyakinan pengguna (salah satu daripada penunjuk penting terhadap kedudukan sesebuah ekonomi) untuk Mac di AS dengan tidak dijangka meningkat. Ia adalah peningkatan bulanan yang pertama sejak enam bulan lalu.

Perkembangan itu mendorong seorang pegawai Rizab Persekutuan AS, iaitu bank pusat negara itu, untuk menyatakan ekonomi AS sudah mula pulih daripada kelembapannya dan mungkin kembali rancak pada tempoh separuh kedua tahun ini.

Meskipun, berita terbaru itu agak positif, negara yang mempunyai ekonomi terbuka seperti Malaysia perlu membuat persediaan agar tidak terheret jika berlaku yang terburuk.

Persediaan yang perlu dibuat itu memerlukan asas ekonomi yang kukuh. Dalam konteks ini, Malaysia berada dalam kedudukan yang lebih baik berbanding kebanyakan ekonomi di rantau ini kerana mempunyai keanjalan dalam memilih dasar untuk merangsang pertumbuhan ekonominya secara dalaman.

Berkat penyesuaian dasar yang dibuatnya untuk menangani krisis kewangan 1997, Malaysia kini mempunyai keanjalan dalam menggunakan dasar bagi bertindak balas terhadap sebarang perkembangan luaran.

Sebagai contoh, paras hutang luar dan hutang Kerajaan Persekutuan yang rendah memberikan keanjalan kepada penggubal dasar untuk bergantung kepada langkah fiskal bagi menyerap kesan kelembapan ekonomi dunia.

Kedudukan kewangan semasa kerajaan yang cukup kukuh, memberikan pilihan untuk melaksanakan program rangsangan seterusnya, seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin.

Kadar inflasi yang rendah dan lebih akaun semasa yang besar juga mengizinkan dasar monetari untuk terus akomodatif terhadap pertumbuhan bagi mengukuhkan lagi langkah fiskal.

Meskipun, magnitud dan tempoh kelembapan ekonomi AS masih samar lagi mahupun sudah mula muncul berita baik, keanjalan untuk menggunakan dasar yang dimiliki Malaysia itu, jelas mampu mengimbangi sebarang kemerosotan teruk ekonomi AS.

Berikutan itu, Bank Negara Malaysia (BNM) dalam Laporan Tahunan 2000 yang dikeluarkan semalam, meramalkan ekonomi negara akan berkembang antara lima hingga enam peratus tahun ini, berbanding 8.5 peratus tahun lalu.

Ramalan itu tidak mengambil kira pakej rangsangan fiskal yang diumumkan Dr Mahathir kelmarin yang mampu menokok 1.1 peratus kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Secara perbandingan, pertumbuhan ekonomi AS yang dijangka merosot kepada 2-2.5 peratus tahun ini berbanding lima peratus tahun lalu, akan menyebabkan pertumbuhan dunia menyederhana kepada 3.5 peratus tahun ini, berbanding 4.7 peratus. Daripada perspektif sedekad, sebenarnya angka itu lebih baik daripada purata pertumbuhan yang dicatatkan dunia, iaitu 3.2 peratus.

Selari dengan jangkaan terbaru Rizab Persekutuan AS, Bank Negara menjangkakan kelembapan ekonomi terbesar dunia itu hanya akan berlaku pada separuh pertama tahun ini saja dan akan kembali rancak pada separuh kedua.

Selari dengan perkembangan yang dijangkakan di AS itu, ekonomi Malaysia dijangka berkembang dengan lebih perlahan pada dua suku tahun pertama tahun ini. Pada separuh tahun kedua, pertumbuhan akan lebih kukuh lagi.

Laporan tahunan bank pusat itu berkata, kelembapan atau slowdown ekonomi AS, sudah diambil kira dalam pakej rangsangan fiskal yang terkandung dalam Belanjawan 2001.

Berikutan itu, sektor awam tahun ini memang bertindak balas kepada kitaran ekonomi dengan perbelanjaan yang lebih tinggi. Rangsangan fiskal yang dirancang juga bertujuan menggalakkan perbelanjaan sektor swasta bagi sama-sama mengimbangi jangkaan permintaan luar yang lebih perlahan.

Berikutan rangsangan fiskal itu, keseluruhan Belanjawan defisit yang disemak semula dijangka kekal besar, iaitu 5.1 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) atau 4.7 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) (ini tidak mengambil kira rangsangan fiskal terbaru yang diumumkan kelmarin). Perbelanjaan sektor awam dijangka berkembang 10.4 peratus tahun ini untuk mengimbangi kelembapan dalam permintaan luar dan menyediakan pendorong kepada pertumbuhan yang berterusan dalam penggunaan dan pelaburan dalam negara.

Pertumbuhan dalam penggunaan awam dijangka terus meningkat 12.3 peratus akibat perbelanjaan yang lebih tinggi bagi ketiga-tiga komponen, iaitu gaji, pertahanan serta bekalan dan perkhidmatan.

Perbelanjaan pelaburan awam pula dijangka meningkat 8.9 peratus. Perbelanjaan fiskal yang lebih tinggi, insentif cukai khusus yang diperkenalkan dalam Belanjawan 2001, di samping kadar faedah yang rendah, dijangka membendung penyederhanaan dalam pertumbuhan perbelanjaan sektor swasta kepada 7.5 peratus daripada 15.7 peratus tahun lalu, manakala pelaburan swasta dijangka meningkat pada kadar 9.2 peratus tahun ini.

Berikutan kelembapan ekonomi AS, pengeluaran kilang tahun ini dijangka menurun kepada 8.7 peratus, berbanding 25 peratus tahun lalu. Penurunan itu mencerminkan penyederhanaan dalam pengeluaran sektor berorientasikan eksport, terutama industri elektronik.

Pengeluaran barang elektronik pada suku pertama tahun ini disokong oleh tempahan kukuh yang diterima sebelumnya, tetap tinggi. Namun, pada suku kedua pertumbuhan menyederhana dengan permintaan luar menurun.

Namun, nilai ditambah dalam sektor perkilangan dijangka berkembang lebih kukuh pada suku kedua dengan jumlah pengeluaran melebihi jumlah pada tempoh sama tahun lalu. Pertumbuhan keluaran bagi sektor perkilangan berorientasikan pasaran tempatan dijangka menyederhana kepada kadar yang lebih perlahan. Bagi keseluruhan tahun ini, nilai ditambah dalam sektor ini dijangka meningkat 8.5 peratus.

Dalam sektor pertanian, nilai ditambah dijangka meningkat 1.1 peratus tahun ini, terutama berikutan pengeluaran minyak sawit yang lebih tinggi.

Pengeluaran getah dijangka terus menurun dalam persekitaran harga yang rendah, begitu juga kayu balak, dengan pengurangan kegiatan pembalakan. Nilai ditambah dalam sektor perlombongan, namun dijangka pulih kembali untuk mencatatkan pertumbuhan 1.4 peratus.

Pemulihan dalam sektor pembinaan dijangka berterusan pada kadar stabil sebanyak satu peratus dengan pertumbuhan berpunca daripada pembinaan infrastruktur dan perumahan kos rendah dan sederhana berikutan program rancangan fiskal kerajaan dan promosi galakan pemilikan rumah.

Nilai ditambah dalam sektor perkhidmatan pula dijangka meningkat kepada 3.6 peratus. Pertumbuhan itu disokong, terutama oleh subsektor pengangkutan, penyimpanan dan telekomunikasi, perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran serta utiliti. Subsektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran dijangka mendapat faedah daripada pelbagai program, termasuk kempen promosi, temasya sukan antarabangsa dan karnival jualan yang dirancang tahun ini. Nilai ditambah yang lebih tinggi juga

dijangka daripada jangkaan peningkatan dalam ketibaan pelancong.

Inflasi tahun ini dijangka kekal rendah. Kenaikan kos upah dijangka tidak menambah tekanan inflasi disebabkan perubahan produktiviti buruh dijangka kekal secara amnya pada paras lebih tinggi.

Pada masa sama, memandangkan prospek harga minyak yang lebih rendah pada 2001, dan pertumbuhan ekonomi dunia yang lebih perlahan, inflasi luar negara dijangka terkawal. Harga kebanyakan komoditi diramal lebih rendah berbanding tahun sebelumnya disebabkan bekalan yang lebih tinggi atau permintaan yang lebih perlahan.

Harga makanan, terutama, untuk beras serta minyak dan lemak sayur-sayuran dan binatang, dijangka meningkat pada kadar yang lebih rendah, jika tidak berlaku kekurangan kitaran akibat keadaan cuaca. Harga makanan juga dijangka mendapat faedah daripada insentif yang diberi kepada syarikat yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan untuk keluaran bahan makanan.

Kedudukan pasaran buruh dijangka kekal stabil tahun ini dengan ekonomi diunjur untuk terus beroperasi di bawah guna tenaga penuh dengan kadar pengangguran sekitar tiga peratus.

Berikutan krisis kewangan serantau pada 1997, kebanyakan syarikat sudah menjalankan kegiatan menyelaras secara besar-besaran dan kini beroperasi pada paras guna tenaga/modal yang optimum.

Akaun semasa bagi imbalan pembayaran dijangka kekal dengan lebihan yang nyata. Namun, lebihan itu dijangka susut kepada RM22.1 bilion atau 6.8 peratus daripada KNK. Perkembangan itu mencerminkan kelembapan dalam pertumbuhan eksport daripada 16.1 peratus tahun lalu kepada 4.9 peratus tahun ini. Pertumbuhan import juga dijangka menurun daripada 25.7 peratus tahun lalu kepada 8.4 peratus tahun ini.

(END)